



**BORANG MAKLUMAN ACARA JUALAN MURAH BERJADUAL**  
**Brunei Salebration (BSb) 2024**  
**9 Disember 2024 – 9 Februari 2025**

**A. KETERANGAN SYARIKAT**

Nama syarikat perniagaan			
Nama pemilik			
Nama pengurus / penyelia			
Alamat persuratan			
Nombor perhubungan	(B)	(P)	(F)
Alamat e-mel yang aktif <i>Notis Jualan akan diberikan melalui emel ini</i>			
Alamat penuh premis perniagaan (termasuk cawangan yang ikut serta) <i>*Jika ruang tidak mencukupi, sila lampirkan alamat tersebut bersama borang ini</i>			
Jenis perniagaan			

**B. KETERANGAN BRUNEI SALEBRATION (BSb) 2024**

Potongan peratus (%) yang akan ditawarkan	.....% hingga .....%
Aktiviti tambahan <i>Contoh: pemberian kupon, purchase-with-purchase and hadiah percuma</i>	

## C. SYARAT-SYARAT MENGADAKAN BRUNEI SALEBRATION (BSb) 2024

1. Peraturan-Peraturan Harga Jualan Murah, 2012 boleh dimuat turun dari laman sesawang Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) (<https://deps.mofe.gov.bn/SitePages/Cheap%20Sale%20Price%20Event.aspx>).
2. Syarikat perniagaan yang ingin menyertai Brunei Salebration (BSb) 2024 dikehendaki memaklumkan Jabatan Hal Ehwal Pengguna (JHEP) di JPES dengan menghadapkan Borang Makluman Jualan (*Sales Notification*) yang lengkap kepada [sales@jpes.gov.bn](mailto:sales@jpes.gov.bn) selewat-lewatnya pada 2 Disember 2024. JPES akan mengeluarkan Notis Jualan yang perlu dipamerkan di tempat bersesuaian dan mudah dilihat sepanjang tempoh acara harga jualan murah berlangsung.
3. Maklumat senarai harga (termasuk kod bar, jenama, harga asal, harga selepas potongan dan peratus potongan) dan maklumat-maklumat yang relevan hendaklah sentiasa tersedia di dalam setiap premis perniagaan yang menyertai acara harga jualan murah dan sedia untuk diserahkan kepada pegawai Jabatan ini semasa pemeriksaan rambang dijalankan selaras dengan Peraturan 11 (a) dan (b) di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Harga (Harga Jualan Murah), 2012.
4. Jarak di antara dua acara harga jualan murah adalah selama 14 hari.
5. Semua barang atau perkhidmatan yang dijual hendaklah dibubuh dengan terang dan jelas tanda harga asal, harga selepas potongan dan/atau potongan peratus selaras dengan Peraturan 9(1) di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Harga (Harga Jualan Murah), 2012. Harga asal bermaksud harga normal paling rendah yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan dalam masa menjalankan perniagaan di premis yang sama dalam tempoh 30 hari sebelum BSb 2024 bermula.
6. Setiap pengiklanan melalui media perlu disertakan (i) nombor rujukan BSb 2024; (ii) jenis barang atau perkhidmatan yang ditawarkan; dan (iii) tempat BSb 2024 diadakan. Pengiklanan hendaklah jelas agar tidak mengelirukan pengguna. Kain rentang dan iklan hendaklah menggunakan tajuk Brunei Salebration (BSb) 2024 dan boleh dipasang dan dikeluarkan seawal-awalnya 3 hari sebelum acara BSb 2024 bermula.
7. Syarikat perniagaan akan dipertanggungjawabkan jika menerima sebarang aduan daripada orang ramai mengenai barang atau perkhidmatan yang dijual atau ditawarkan semasa acara BSb 2024 yang melibatkan:
  - a) barang-barang yang mempunyai kualiti boleh-dagang;
  - b) barang-barang atau perkhidmatan sesuai dengan munasabah untuk tujuan-tujuannya; dan
  - c) waranti atau jaminan ke atas barang-barang atau perkhidmatan.
8. Peserta BSb 2024 dikehendaki mematuhi syarat-syarat di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Harga (Harga Jualan Murah), 2012 termasuk menyatakan keterangan yang benar di dalam Borang Makluman Jualan dan Senarai Harga. Kegagalan dalam mematuhi mana-mana peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah menjadi kesalahan dan boleh dikenakan kompaun sehingga BND1,000. Jika masih berulang boleh dikenakan denda sebanyak BND5,000 serta 2 tahun penjara dan kesalahan berikutnya BND20,000 serta 5 tahun penjara.

#### D. PENGAKUAN

Syarikat perniagaan saya dengan ini **bersetuju** dan **dipertanggungjawabkan** dalam mematuhi syarat-syarat acara harga jualan murah selaras dengan Peraturan-Peraturan Kawalan Harga (Harga Jualan Murah), 2012.

Saya, selaku wakil syarikat, dengan ini juga mengaku bahawa maklumat yang dihadapkan adalah benar dan betul sepenuhnya saya, dan saya faham bahawa adalah menjadi satu kesalahan untuk memberikan maklumat palsu kepada Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES).

.....  
Tandatangan & Cop Syarikat

[Nama:

] Tarikh: .....

#### E. KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

No. Fail:	
Diterima oleh: ..... Tarikh (                  )	Didaktarkan oleh: ..... Tarikh (                  )
Nota:	
<input type="checkbox"/> Borang makluman masuk melalui email pada ..... ( ).	
<input type="checkbox"/> Pernah menghadapkan <i>Business Name Extract</i> sebelum ini.	
<input type="checkbox"/> Hasil penelitian awal Jabatan mendapat borang layak diproses dan diterima dengan menurunkan cop penerimaan Jabatan.	
Lain-lain catatan: ..... ..... ..... .....	